

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(33)

Tarikh : 17 Jun 2021

KENYATAAN MEDIA

Pandemik COVID-19 Membawa kepada Pembatalan Penang Hill Festival 2021

Penang Hill Festival (PHF) merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) yang bertujuan untuk menawarkan peluang pendidikan serta menggembirakan orang ramai untuk menikmati keindahan semula jadi Bukit Bendera sambil mempelajari tentang alam eksotik, kekayaan sejarah dan warisan budaya yang menarik di Bukit Bendera juga ditawarkan. Namun, mengikuti perkembangan terkini berhubung perlanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pengumuman mengenai Pelan Pemulihan Negara, dukacita dimaklumkan bahawa PHF2021 yang dijadualkan berlangsung dari 16 Julai hingga 18 Julai 2021 terpaksa dibatalkan.

Walaupun bagaimanapun, PBBPP merakamkan penghargaan kepada semua orang atas sokongan berterusan mereka terhadap Bukit Bendera dan menantikan masa yang sesuai untuk semua orang dapat bertemu kembali dengan selamat dalam suasana sosial yang besar. Sementara itu, PBBPP berharap dapat menganjurkan PHF2022 pada tahun hadapan.

Layari laman sesawang PBBPP di www.penanghill.gov.my atau ikuti halaman Facebook Rasmi kami di www.facebook.com/mypenanghill untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai Bukit Bendera.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Cheryl Cheah
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880

cheryl.cheah@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880

aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880

vivienloo@penanghill.gov.my